

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAPAN  
LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**RUJUKAN : 7672**

**SOALAN:**

**Tuan Look Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai warganegara Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenarkan masuk ke Sabah dan Sarawak dari tahun 2008 sehingga kini dan senarai nama yang telah disenarai hitamkan.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman, pergerakan keluar masuk sebarang individu ke negeri Sabah melalui Pintu Masuk yang diwartakan sama ada melalui udara, laut dan darat dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Sabah. Di bawah Seksyen 65, Akta Imigresen 1959/63, jelas menggariskan Kuasa-Kuasa Am Pihak Berkuasa Negeri bahawa Jabatan imigresen Sabah hendaklah melaksanakan sebarang larangan masuk individu tertentu seperti dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri Sabah tidak terkecuali warga dari Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, kuasa yang termaktub kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dihormati semua pihak.

Untuk makluman, dari tahun 2008 sehingga 28 Februari 2015, larangan masuk telah dikeluarkan kepada 27 orang warganegara berasal dari Semenanjung Malaysia bagi tempoh tertentu seperti diarahkan. Senarai nama individu yang telah disenarai hitam juga sering berubah-ubah dan dikemaskini sepanjang masa sejurus selepas arahan diterima. Dengan kata lain, senarai hitam tersebut hanya bersifat sementara dalam tempoh tertentu sahaja dan tidak ada yang kekal dalam sistem Jabatan Imigresen Sabah.